

جرنل قنديديقر اسلام

Jurnal

PENDIDIKAN ISLĀM

Jilid 9 Bil. 3 Jun 2001/Rabiul Awal 1422H ISSN 0127-5-153 Harga RM10.00

Ketua Pengarang

DR. GHAZALI BASRI

Penolong Ketua Pengarang

DR. ROSNANI HASHIM

Sidang Pengarang

DR. AB. HALIM EI-MUHAMMADY

HJ. AHMAD MOHAMAD SAID

Diterbitkan Oleh:

INSTITUT PENGAJIAN ILMU-ILMU ISLAM (IPI)

29-2, Jalan 46B/26, Pusat Bandar Sri Rampai, 53300 Kuala Lumpur

Tel: 03-41428736, 41493433 / 82 Fax: 03-41428772

E-mail: rektor@po.jaring.my Laman Web: www.institute-ipi.com

JURNAL PENDIDIKAN ISLAM

Garis Panduan untuk Penyumbang Artikel / Pelanggan / Pengiklan

Jurnal Pendidikan Islam menyediakan wadah untuk menengahkan isu-isu berkaitan pendidikan dalam perspektif Islam. Sasaran jurnal terbitan 3-4 keluaran setahun ini ialah para pendidik di semua peringkat, pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi dan mereka-mereka yang terlibat dengan pendidikan samada secara langsung atau tidak langsung.

Penyumbang Artikel

Sidang Pengarang mengalu-alukan manuskrip/artikel/kertaskerja/kajian/laporan dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris untuk kemungkinan diterbitkan di dalam Jurnal Pendidikan Islam. Setiap manuskrip hendaklah disertakan dengan abstrak dalam lingkungan 100-200 perkataan menerangkan isu yang diketengahkan, ringkasan hujah serta rumusan. Manuskrip hendaklah ditaip langkau dua baris berserta rujukan dan nota. Manuskrip tidak akan dikembalikan dan dengan itu yang asal hendaklah disimpan. Jika dalam bentuk disket, simpan dalam format Microsoft Words atau format Rich Text. Manuskrip hendaklah dalam lingkungan 5000 perkataan dan belum pernah diterbitkan di mana-mana penerbitan. Lampirkan serba sedikit latar belakang penulis dan gambar berukuran pasport. Penerimaan manuskrip bermaksud penulis memberi kebenaran untuk ianya dicetak.

Artikel yang dikeluarkan dalam Jurnal Pendidikan Islam tidak semestinya menggambarkan pendapat Sidang Pengarang. Sidang Pengarang akan bertanggungjawab dalam penentuan kandungan jurnal dan berhak untuk menolak atau membetulkan mana-mana manuskrip yang diterima.

Ulasan Buku

Penerbit dialu-alukan menghantar buku-buku atau penerbitan lain yang berkaitan dengan pendidikan. Ianya tidak akan dikembalikan jika tidak dimaklumkan untuk berbuat demikian.

Iklan

Hanya iklan-iklan tertentu dan yang berkaitan sahaja akan diterima dan bilangan iklan untuk setiap keluaran adalah terhad. Sila hubungi pihak pengurusan untuk maklumat lanjut. Kadar iklan akan dihantar di atas permintaan. Pihak pengurusan berhak menolak mana-mana iklan tanpa memberi sebarang sebab.

Langganan

Kadar langganan untuk 4 keluaran ialah RM32.00 termasuk kos penghantaran. Naskah yang tidak diterima hendaklah diberitahu dalam masa 3 bulan selepas tarikh terbitan dan penggantian bergantung kepada naskah yang masih ada. Sila maklumkan perubahan alamat 4 minggu terlebih dahulu.

Keluaran Terdahulu

Keluaran yang terdahulu boleh diperolehi dengan bayaran RM10.00 senaskah bergantung kepada adanya naskah berkenaan.

RENCANA PENGARANG

Sistem Pendidikan Islam : Satu Keperluan Umat

Akhir-akhir ini ramai yang mempersoal kemampuan sistem pendidikan Islam dalam menangani persoalan-persoalan manusia yang semakin rencam dan kompleks dan sekaligus mempersoalkan pula sama ada ia masih relevan. Persoalan ini tidak dapat dijawab dengan hanya mengambil pertimbangan bersifat utilitarian yang menyempitkan tujuan pendidikan bagi menyediakan tenaga mahir membangun sesebuah bangsa atau negara. Seharusnya ia mestilah dilihat secara holistik bahawa soal pendidikan menyangkut soal-soal kerohanian, moral dan sosial dan ia hendaklah menjadi agenda utama dalam meletakkan matlamat pendidikan.

Gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah, keganasan, HIV dan AIDS, bersekedudukan, anak luar nikah, penderaan kanak-kanak, pukul isteri, rogol, peras ugut, dan berbagai lagi bentuk tindakan di luar norma kemanusiaan semakin bertambah bilangan dan juga intensitinya. Usaha-usaha yang diambil oleh pihak berkuasa atau badan atau organisasi kerajaan dan bukan kerajaan dalam banyak keadaan adalah bersifat *superficial* dan kosmetik sahaja. Sebagai contoh dalam satu kempen untuk memastikan supaya tidak berlaku kemalangan jalan raya akibat mabuk kerana meminum minuman keras, maka diadakan sebaran media menasihati peminum supaya minum dengan bijak (*drink wise*), ertinya boleh minum tetapi jangan mabuk; kemudian dinasihati lagi dengan “jika mabuk jangan memandu”. Pendekatan *superficial* seperti inilah sebenarnya dipakai dalam semua usaha bagi mengatasi berbagai gejala sosial, dan ianya sudah barang pasti tidak akan membawa sebarang kesan positif.

Permasalahan di atas memerlukan penerimaan ilmu, dan keyakinan (*knowledge and conviction*) yang bersumberkan panduan Ilahi dan yang juga menjadi teras kepada sistem pendidikan Islam. Sistem pendidikan Islam menjadikan unsur hidayah sebagai ilmu yang dapat menyampaikan kita kepada kebenaran berlandaskan tauhid uluhiyyah, Tuhan sebagai Zat Pencipta Yang Maha Mengetahui memberikan segala peraturan hidup dan *tauhid rubbubiyah*, Tuhan sebagai Zat Pencipta Yang Maha Bijaksana mengatur segala urusan yang dilalui oleh makhlukNya di maya pada ini. Dia jugalah yang memandu seluruh manusia dengan menurunkan para nabi dan rasul sebagai wakilNya bagi memberitahu bagaimana seharusnya menjalani kehidupan di dunia dengan selamat dan juga menghadapi hari akhirat dengan selamat.

Keimanan terhadap hari akhirat adalah juga salah satu unsur terpenting dalam sistem pendidikan Islam. Dengan mempercayai adanya hari perhitungan, dan hari pembalasan, manusia akan merasai bahawa ia sepenuhnya bertanggungjawab atas segala perlakuannya di dunia. Keadaan inilah yang sebenarnya berupaya membawa

manusia ke arah perbaikan diri (islah fi al-nafs) kerana menyedari bahawa ia akan diadili di hadapan Tuhannya.

Asas tauhid yang dimanifestasikan dalam Keimanan kepada Allah, Risalah Kerasulan Nabi Muhammad s.a.w dan Akhirat merupakan tonggak kepada terbinanya sistem pendidikan Islam. Pendekatan inilah juga yang seharusnya wujud dalam realiti mendidik umat manusia dalam semua aspek kehidupan: sosial, ekonomi, politik, fizikal, emosional, kerohanian. Ia sekaligus akan mendidik umat kepada ketaatan dan kepatuhan terhadap peraturan Ilahi, penuh disiplin dalam menjaga nilai-nilai karamah insaniah (*dignity of human being*). Ia juga sekaligus akan menghalang pemikiran yang boleh merosak nilai kemanusiaan seperti sikap nisbi atau bebas nilai dalam kehidupan, sikap acuh tidak acuh (*agnostic*) terhadap hidup beragama dan sikap reaksionar dalam memahami hidup beragama. Kita berkeyakinan penuh bahawa tidak akan ada maknanya pendidikan jika sekiranya sistem yang dilalui dalam proses pembelajaran tidak menghasilkan kesan keperibadian manusianya seperti kejujuran, kemuliaan dan harga diri manusia, semangat kasih sayang dan tolong menolong serta kesediaan berkorban untuk masyarakatnya. Walaupun kita menyedari bahawa sistem pendidikan sekular yang sedang berjalan juga menginginkan agar nilai-nilai tersebut tercapai, dengan melaksanakan usaha-usaha tempelan seperti mengadakan mata-pelajaran moral, sivik malah juga agama, tetapi hasrat itu sendiri adalah bercanggah dengan nilai kebendaan (*materialism*) yang mendasari asas keyakinan serta mendominasi sistem nilai kehidupan kini .

Keyakinan kita terhadap peranan Pendidikan Islam dalam menyelamatkan ummah semakin mantap. Selain daripada penjelasan di atas, kita juga menjelaskan bahawa matlamat utama pendidikan Islam ialah untuk mencetus serta membangun diri manusia dalam aspek kepercayaan, minda, potensi, akal, cara berfikir dan seluruh fakultinya ke arah keseimbangan dan kesempurnaan yang berasaskan *amar ma'ruf nahi munkar*. Setiap individu yang menjalani proses pendidikan Islam akan terarah kepada kebiasaan serta kecintaan untuk menegakkan yang ma'ruf dan membenci kemungkaran. Kita juga meyakini bahawa telah menjadi cita-cita utama pendidikan Islam untuk membekalkan setiap individu dengan ilmu-ilmu yang membolehkan ia memperoleh kemahiran teknikal, spiritual bagi memenuhi tuntutan "hidup bahagia di dunia dan hidup bahagia di akhirat."

Kegagalan sistem pendidikan sekular Barat untuk melahirkan manusia yang benar-benar seimbang menambah keyakinan kita kepada betapa perlunya sistem Pendidikan Islam berperanan. Penekanan hanya kepada membangunkan minda dan intelek dengan mengabaikan pembangunan kerohanian seperti yang kita dapati dalam sistem pendidikan sekular adalah punca utama kepada kegagalan sistem ini dalam usaha memanusiaikan manusia moden hari ini. Keadaan ini diakui sendiri

oleh cendekiawan mereka, umpamanya Alan Bloom dalam bukunya *The Closing of the American Mind* (1987) mengkritik sistem pendidikan yang ada sebagai gagal memanusiakan manusia; demikian juga Peter Drucker dalam bukunya *The New Realities* (1989) mempersoalkan apakah sebenarnya sistem pendidikan melahirkan manusia terdidik atau pun hanya *the schooled barbarians*. Justeru itu di sinilah peranan Pendidikan Islam kerana hanya menerusi sistem ini sahaja status manusia sebagai insan karamah dapat dipersadakan. Seperti yang telah dipersetujui dan diperakukan bagi melaksanakannya, ketetapan yang diambil oleh para cendekiawan Muslim di Makkah al-Mukarramah pada tahun 1977, kita perturunkan semula untuk rujukan kita bersama:

Pendidikan seharusnya bertujuan untuk melahirkan pembangunan manusia seutuhnya menerusi latihan roh, intelek, jiwa rasional, perasaan dan panca-inderawi manusia. Justeru itu Pendidikan seharusnya menyediakan pembangunan manusia dalam semua aspek: kerohanian, intelektual, imaginasi, fizikal, saintifik, bahasa sekaligus secara peribadi dan kolektif dan menerusi pendidikan akan dibangunkan seluruh potensi di atas ke arah pencapaian kebaikan dan penyempurnaan. Matlamat akhir Pendidikan Islam ialah bagi merealisasikan kepatuhan sepenuhnya (pasrah) kepada Allah baik di peringkat individu, komuniti dan ummah seluruhnya.

Kegagalan sistem pendidikan liberal-sekular Barat yang berpunca daripada penolakannya terhadap metafisik, (yakni hal-hal yang berkaitan dengan ghaibiyat, kehidupan sesudah mati, hari pembalasan, syurga dan neraka, tanggungjawab manusia terhadap segala perlakuannya di dunia bakal diadili di akhirat), telah meletakkan dasar mengapa sistem liberal-sekular Barat ini hanya menumpukan kepada aspek kebendaan, kehidupan praktikal dan hal-hal keduniaan semata-mata.

Menyedari kerosakan yang begitu besar terhadap umat manusia kesan daripada sistem pendidikan liberal-sekular Barat ini, dan menyedari juga pengaruhnya tidak mudah untuk dibendung; tetapi keyakinan kita ialah usaha harus dimulakan bagi mengemukakan alternatif yang dapat menyelamatkan ummah dari terus terperosok dalam kemusnahan. Usaha kita memperkenalkan serta merangka skema dan memberi model pendidikan Islam di semua peringkat adalah satu-satunya cara bagi mencapai tujuan murni ini.

Ketua Pengarang

Senarai Penyumbang (*Contributors*)

Hj. Mahyuddin Bin Ashaari
Ketua Pengarah Yayasan Pendidikan Takmir ABIM

Haji Ahmad Bin Mohd Said
Ketua Panel Perunding Yayasan Pendidikan Takmir ABIM
Bekas Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia

Dr. Hasan Langgulung
Profesor Kuliiah Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Dr. Zaid Bin Ahmad
Pensyarah Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Abdul Rahman Najib Mohd Noor
Timbalan Pengerusi Lembaga Ma'had Al Ummah Chemor, Ipoh.

Dr. Feryal El Khaldi
Asst. Professor and Coordinator
The School Curriculum and Instructional Media Unit (SCIMU)
Kulliyah of Education International Islamic University Malaysia (UIAM)

Abdul Mubin Bin A. Gani
Pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia

Dr. Ghazali Bin Basri
Rektor, Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam (IPI)

Transliterasi (*Transliteration*)

Huruf Arab (<i>Arabic Letter</i>)	Huruf Roman/ Simbol (<i>Roman Letter</i>)	Huruf Arab (<i>Arabic Letter</i>)	Huruf Roman/ Simbol (<i>Roman Letter</i>)
ء	,	ع	c
ب	b	غ	gh
ت	t	ف	f
ث	th	ق	q
ج	j	ك	k
ح	h	ل	l
خ	kh	م	m
د	d	ن	n
ذ	dh	و	w
ر	r	ه	h
ز	z	ة	t
س	s	ي	y
ش	sh	Long Vowels	
ص	ṣ	اَ	ā
ض	ḍ	وُ	ū
ط	t	يَ	ī
ظ	ẓ		